

# Dr Abu dilantik Timbalan Rektor KUTKM

Archival News | Berita Harian | 06/01/2006

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi melantik Prof Dr Abu Abdullah sebagai Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan) Kolej Universiti Teknikal

Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Melaka yang baru menggantikan Prof Dr Azhari

Salleh yang meninggal dunia pada 20 Jun lalu.

Anak tempatan Ujong Pasir, Dr Abu Abdullah, 45, mengikuti pendidikan menengah di Maktab Tentera Di Raja Sungai Besi. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian di Birmingham University, pada peringkat Sarjana Muda dan University of Warwick, United Kingdom peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Politeknik Port Dickson pada 1990 dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 1992.

Dr Abu pernah memegang jawatan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar pada 1997 dan Pengarah di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan di universiti tersebut pada 1998.

Pada 1 November 2001 beliau dilantik sebagai profesor di KUTKM dan Jun 2002 sebagai Dekan Pusat Universiti, KUTKM.

Oleh kerana kepakaran dan pengalaman beliau, Dr Abu dipinjamkan sebagai

Pengarah, Pejabat Penasihat Sains, Jabatan Perdana Menteri selama dua tahun sehingga 1 Januari 2006.

Dr Abu juga adalah ahli Lembaga Jurutera Malaysia dan juga Institut Jurutera Malaysia.

(END) Source : Berita Harian